

SPRM sahkan kenyataan 2 pegawai SRC International berkaitan 1MDB akan direkodkan
Malaysian Insider
Oct 22, 2015
Oleh Md Izwan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan merekodkan keterangan 2 pegawai SRC International Sdn Bhd (SRC International) bagi membantu dalam siasatan berhubung syarikat subsidiari 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam jawapan bertulis kepada Ahli Parlimen Kulai Teo Nie Ching di Dewan Rakyat hari ini SPRM memaklumkan 2 pegawai berkenaan, Nik Faisal Ariff Kamil dan Datuk Suboh Md Yassin sudah membuat perancangan untuk bertemu agensi penguatkuasa rasuah itu.

"Berdasarkan maklumat diperoleh daripada pihak pengurusan SRC International, Encik Nik Faisal Ariff Kamil dan Datuk Suboh Yassin sedang membuat perancangan untuk ditemu ramah SPRM dalam masa terdekat.

"Oleh itu, persoalan mengenai kedudukan mereka sebagai ahli lembaga pengarah SRC tidak timbul sama sekali," kata Kementerian Kewangan dalam jawapan bertulis tersebut.

Selain 2 individu berkenaan, SPRM sebelum ini umum akan merekodkan keterangan jutawan kontroversi, Low Taek Jho atau dikenali sebagai Jho Low.

SPRM pada Ogos lalu mengeluarkan kenyataan memanggil ketiga-tiga individu tersebut untuk diambil keterangan, bagaimanapun gagal mendapat kerjasama daripada mereka.

SPRM berkata pihaknya melakukan yang terbaik untuk melengkapkan siasatan terhadap SRC, bekas anak syarikat milik firma pelaburan negara 1MDB, pada akhir tahun ini.

Agensi itu sebahagian daripada pasukan khas menyiasat 1MDB dengan siasatan memfokuskan dalam urusan membabitkan SRC International. – 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sprm-sahkan-kenyataan-2-pegawai-src-international-berkaitan-1mdb-akan-direk>